

## Matlamat

Mengembangkan pendidikan seni visual dan senireka di tanah air.

Meningkatkan bakat seni pelajar-pelajar dengan memberi peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma dalam bidang berkenaan melalui tawaran biasiswa.

### Hadiah

#### 10 Pemenang Terbaik

Biasiswa MIA (Biasiswa Lee Kar Yeow, Biasiswa Khoo Siong Chi dan Biasiswa Dr. Grace Chen) yang bernilai RM27,000 dan ke atas untuk mengikuti kursus Diploma di MIA, sijil penghargaan serta wang tunai berjumlah RM1,000.

#### 3 Pemenang

Separa Biasiswa MIA yang bernilai RM13,500 dan ke atas untuk mengikuti kursus Diploma di MIA, sijil penghargaan serta wang tunai berjumlah RM500.

#### 65 Hadiah Saguhati

Setiap pemenang akan menerima satu hadiah saguhati dan sijil penghargaan.

#### 1 Hadiah Istimewa

Hadiah untuk sekolah dengan penyertaan yang terbanyak.

### Pemenang Biasiswa MIA boleh memilih salah satu bidang-bidang berikut

Seni Halus ■ Ilustrasi ■ Seni Reka Grafik ■ Reka Bentuk Hiasan Dalam Reka Bentuk Fesyen & Tekstil ■ Reka Bentuk Industri

*\*Semua kursus mempunyai perakuan akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia / Malaysian Qualifications Agency (MQA)*

### Kelayakan Penyertaan

Untuk pelajar-pelajar warganegara Malaysia dalam Tingkatan 4 hingga 6 atau pelajar-pelajar Sekolah Menengah Tinggi Cina (Chinese Senior Middle I / II / III).

Bekas pemenang Biasiswa atau Separa Biasiswa MIA dalam Pertandingan Senilukis & Senireka MIA tidak layak menyertai pertandingan ini.

### Pertandingan Peringkat Pertama

#### Tajuk

(menghasilkan karya melalui lukisan, catan atau reka bentuk)

- Potret diri (jiwa saya yang sebenar) / *Self-portrait – My true / inner self*
- Dunia robot / *Robot world*
- Gaya hidup rakyat Malaysia era 1960-an / *Malaysian life style of the 1960's*

#### Kriteria Untuk Menilai

- Tafsiran tema atau subjek
- Komponen dan unsur-unsur senilukis
- Prinsip organisasi dan reka bentuk
- Eksplorasi teknik, media dan peralatan seni

### Peraturan dan syarat

- Medium: Bebas (tidak termasuk grafik komputer)
- Ukuran kertas lukisan: A2 = 42cm x 59.4cm
- Peserta hanya boleh menghantar satu (1) karya seni.
- Peserta harus melengkapkan borang penyertaan dengan butiran yang betul. Nama peserta yang diisi harus sama dengan nama dalam kad pengenalan.
- Semua lukisan mesti disertai dengan kenyataan tidak melebihi 30 patah perkataan yang menerangkan lukisan anda (sama ada dalam Bahasa Melayu, Inggeris atau Cina).
- Karya seni asal yang dihantar mesti disahkan oleh Pengetua, Guru Besar / Guru Seni sekolah masing-masing dan disertakan dengan borang penyertaan yang dilekatkan di bahagian bawah sudut kanan belakang lukisan.
- Semua hasil karya dalam pertandingan ini akan menjadi hak milik pihak penganjur dan tidak akan dikembalikan. MIA sebagai penganjur berhak menggunakan karya-karya tersebut untuk tujuan pemasaran.

**Borang penyertaan boleh diperoleh dari sekolah masing-masing atau dimuat turun dari laman web di [www.mia.edu.my](http://www.mia.edu.my).** Borang penyertaan boleh difotostat.

### Tarikh Tutup Penyertaan Peringkat Pertama 19 Mei 2018.

Karya seni asal mesti dihantar terus ke Malaysian Institute of Art sebelum tarikh tutup, karya yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayani. Bukti penghantaran pos tidak akan diterima sebagai bukti penerimaan karya. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kehilangan hasil karya.

### Hasil karya harus dihantar ke:

Malaysian Institute of Art (MIA)  
294-299, Jalan Bandar 11, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur.

JPT/BPPP(D)1000-701/2888884 Jld3(7) Reg. No. DK119(W)

### Pertandingan Peringkat Akhir

Tarikh Pertandingan Peringkat Akhir & Penyampaian Hadiah: **23/6/2018**

Pertandingan akan diadakan di Malaysian Institute of Art.

### Peraturan dan syarat

- Selepas penilaian hasil karya seni asal, peserta yang layak memasuki pertandingan peringkat akhir akan dihubungi melalui telefon, SMS dan / atau e-mel.
- Peserta yang terpilih dari peringkat pertama akan dijemput hadir ke MIA untuk bertanding dalam pertandingan peringkat akhir pada 23/6/2018.
- Tajuk lukisan pertandingan peringkat akhir akan diumumkan pada hari pertandingan tersebut.
- Alat lukis, medium, kertas lukisan (A2 = 42cm x 59.4cm), papan pelapik, dan segala bahan lukis yang diperlukan hendaklah disediakan oleh peserta.
- Segala kos perbelanjaan untuk menghadiri pertandingan peringkat akhir akan ditanggung oleh peserta masing-masing.
- Semua hasil karya dalam pertandingan ini juga akan menjadi hak milik pihak penganjur dan tidak akan dikembalikan. MIA sebagai penganjur berhak menggunakan karya-karya tersebut untuk tujuan pemasaran.

### Pengadilan

Pihak penganjur akan menjemput pelukis dan pereka berpengalaman sebagai panel hakim. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

### Catatan Bagi Pemenang Biasiswa dan Separa Biasiswa

- Pemenang Biasiswa dan Separa Biasiswa dibenarkan untuk mengikuti kursus dalam tempoh 3 tahun mulai tahun 2019 hingga 2022 sahaja.
- Semua biasiswa yang dimenangi tidak boleh ditebus dengan wang tunai dan tidak dibenarkan untuk ditukar milik.
- Sekiranya pemenang Biasiswa dan Separa Biasiswa tidak berdisiplin atau pencapaian pelajarannya tidak memuaskan semasa belajar di MIA, biasiswa berkenaan boleh ditarik balik oleh MIA pada bila-bila masa.
- Pemegang Biasiswa dan Separa Biasiswa dikehendaki menamatkan kursus pengajian dalam tempoh 3 tahun berturut-turut dan tidak dibenar untuk penangguhan pelajaran.

### Syarat-syarat Memasuki MIA

Kelulusan minimum bagi Pemenang Biasiswa dan Separa Biasiswa untuk mengikuti kursus MIA ialah Lulus SPM (termasuk Bahasa Melayu dan Sejarah) atau UEC dengan sekurang-kurangnya 3 kredit.

**Sesi Kemasukan MIA:** Januari, April, Ogos

\* Pihak penganjur berhak mengubah sebarang butiran pertandingan tanpa sebarang notis.

### Untuk Pertanyaan

**MALAYSIAN INSTITUTE OF ART (MIA)** JPT/BPPP(D)1000-701/2888884 Jld3(7) Reg. No. DK119(W)

294 - 299, Jalan Bandar 11, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur.

T 603 41088100 F 603 41088700 E [mia@mia.edu.my](mailto:mia@mia.edu.my) W [www.mia.edu.my](http://www.mia.edu.my)

### Notis Akta Perlindungan Data Peribadi

Dengan melengkapkan borang ini, saya faham bahawa MIA terikat untuk memberi notis dan memerlukan persetujuan berhubung dengan pemrosesan maklumat peribadi menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami serta bersetuju dengan kenyataan Notis Perlindungan Data Peribadi di [www.mia.edu.my](http://www.mia.edu.my).

### Nota penting:

Maklumat peribadi yang diberikan oleh Peserta dalam borang penyertaan untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan akan direkodkan, disimpan atau diproses oleh Penganjur untuk tujuan yang berkaitan dengan pengurusan Pertandingan dan untuk pengiklanan, publisiti, pemasaran dan komunikasi yang berkaitan dengan Pertandingan.

## BORANG PENYERTAAN

(Untuk Penghantaran Karya Seni Asal)

|                    |  |
|--------------------|--|
| Nama               | <input type="text"/>   |
| No. K/P            | <input type="text"/> E-mail <input type="text"/>                                 |
| Alamat Rumah       | <input type="text"/>   |
| Tel (Rumah)        | <input type="text"/> H/P <input type="text"/>                                    |
| Tingkatan          | <input type="text"/> Tingkatan 4 / 5 / 6 atau Chinese Senior Middle I / II / III |
| Nama Sekolah       | <input type="text"/>   |
| Alamat Sekolah     | <input type="text"/>   |
| Tel / Faks Sekolah | <input type="text"/>   |

Disahkan oleh Pengetua / Guru Besar / Guru Seni:

\* Lekatkan borang penyertaan di bahagian bawah sudut kanan belakang lukisan anda dengan penerangan karya anda tidak melebihi 30 patah perkataan.